

**IDENTITI KAWASAN REHAT DAN RAWAT (R&R)
DI LEBUHRAYA UTARA – SELATAN (R&R TAPAH, R&R SUNGAI PERAK
DAN R&R GUNUNG SEMANGGOL, PERAK DARUL RIDZUAN)**



**INSTITUT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PENGKOMERSILAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH:
NADIYANTI MAT NAYAN
NORHAFIZAH ABDUL RAHMAN**

SEPTEMBER 2006

**IDENTITI KAWASAN REHAT DAN RAWAT (R&R)
DI LEBUHRAYA UTARA – SELATAN (R&R TAPAH, R&R SUNGAI PERAK
DAN R&R GUNUNG SEMANGGOL, PERAK DARUL RIDZUAN)**

DISEDIAKAN OLEH:

NADIYANTI MAT NAYAN

NORHAFIZAH ABDUL RAHMAN

SEPTEMBER 2006

Tarikh : 27 September 2006
No. Fail Projek : 600-IRDC/SSP 5/3/1675

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam

Ybhg. Prof.,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN "IDENTITI KAWASAN REHAT DAN RAWAT (R&R) DI
LEBUHRAYA UTARA – SELATAN (R&R TAPAH, R&R SUNGAI PERAK DAN R&R GUNUNG
SEMANGGOL, PERAK DARUL RIDZUAN)**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama - sama ini disertakan 2 (dua) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk "Identiti Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) di Lebuhraya Utara – Selatan (R&R Tapah, R&R Sungai Perak dan R&R Gunung Semanggol, Perak Darul Ridzuan)".

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



NADIYANTI MAT NAYAN
Ketua
Projek Penyelidikan

KUMPULAN PENYELIDIK

NADIYANTI MAT NAYAN
KETUA PROJEK



.....
Tandatangan

NORHAFIZAH ABDUL RAHMAN
AHLI



.....
Tandatangan

ABSTRAK

Pembangunan pesat yang terdapat di seluruh dunia menyebabkan semakin banyak lebuh raya khasnya dibina bagi memastikan jarak perjalanan yang lebih pendek dan sekaligus memberi keselesaan kepada pengguna lebuh raya terbabit.

Bagi memastikan keselesaan pengguna sentiasa dijaga, pelbagai infrastruktur telah disediakan oleh pihak-pihak terbabit di sepanjang lebuh raya bagi kegunaan pengguna. Kawasan rehat yang terdapat di sepanjang lebuh raya merupakan antara infrastruktur yang paling berguna bagi pengguna lebuh raya. Ia merupakan kawasan yang dibina di tepi lebuh raya yang merupakan kawasan yang paling selamat untuk berhenti rehat bagi pengguna-pengguna lebuh raya samada untuk mengisi perut ataupun sekadar singgah untuk melelapkan mata.

Kajian menunjukkan bahawa masalah keletihan di kalangan pemandu kenderaan merupakan penyebab utama kepada kemalangan di jalan raya. Maka, kewujudan kawasan rehat mampu untuk mengurangkan keletihan dan kadar kemalangan jalan raya kerana ia membenarkan pemandu untuk berhenti dan mendapatkan rehat yang secukupnya sebelum meneruskan perjalanan. Kajian yang dijalankan oleh *National Highway Traffic Safety Administration (NHTSA)*, Amerika Syarikat menunjukkan bahawa purata 100,000 kemalangan telah dilaporkan setiap tahun dan 1.5% daripada jumlah tersebut adalah berpunca daripada keletihan atau kelesuan di kalangan pemandu kenderaan.

Peranan kawasan rehat dan rawat turut merangkumi pengguna lebuh raya yang bermotosikal. Ini kerana pengguna motosikal sering menjadikan kawasan ini sebagai tempat merehatkan badan samada bagi pemandu atau pembonceng dan sebagai tempat berteduh daripada keadaan cuaca yang tidak menentu seperti hujan dan sebagainya.